

31 JUL 1996
Dialog-Mahathir
PASTIKAN KEADILAN SOSIAL UNTUK SEMUA: MAHATHIR

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menutup Dialog Antarabangsa Langkawi di sini dengan gesaan kepada semua negara supaya mengagihkan kekayaan mereka yang dapat memastikan keadilan sosial untuk rakyat mereka.

Katanya pendekatan "perkongsian bijak" boleh dicuba dengan pihak pentadbiran, pekerja dan perniagaan bergabung untuk mewujudkan kemakmuran dan kestabilan untuk rakyat dan negara.

Dialog kali kedua itu ialah usahasama Commonwealth Partnership for Technology Management Limited (CPTM) dan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MIGHT), serta disokong Yayasan Komanwel untuk Pengurusan Teknologi (CFTM).

Enam ketua kerajaan, 14 menteri dan 250 pemimpin industri dan pegawai kerajaan dari negara-negara Komanwel menghadiri dialog tiga hari itu.

Tema dialog ialah "Perkongsian Bijak", satu konsep di mana individu dan kerajaan bergabung untuk melahirkan suasana menguntungkan semua pihak dalam meningkatkan perdagangan, pelaburan dan teknologi.

"Kita harus mencuba pendekatan-pendekatan baru untuk mencapai keadilan sosial supaya rakyat menikmati kekayaan negara masing-masing secara adil," kata Dr Mahathir.

Menyingkap zaman silam, Perdana Menteri yang mempengerusikan sesi penutup, berkata peranan kerajaan telah banyak mengalami perubahan.

Dr Mahathir berkata asalnya tugas kerajaan HANYA untuk memastikan keamanan dan ketenteraman, kemudian ada negara menunjukkan kekuatan mereka dengan menakluki negara lain dan mengutarakan ideologi-ideologi tertentu, tetapi mereka tersalah arah dalam mencari keadilan sosial.

Beliau juga merayu badan-badan korporat besar supaya membuat pelaburan semula bagi mengukuhkan proses keadilan sosial agar kewujudan mereka benar-benar membawa makna.

Ketika merasmikan dialog itu pada Isnin lepas, Dr Mahathir berkata menerusi perkongsian bijak, tentunya mesti ada elemen keadilan sosial sebagai tambahan kepada pertubuhan yang hanya mementingkan perniagaan.

"Kami percaya sebarang perniagaan hendaklah memberi keuntungan kepada semua pihak sedangkan pada masa yang sama ia seharusnya membuat sumbangan kepada kebaikan rakyat dan negara, sama ada mereka terlibat mahupun tidak," kata Dr Mahathir.

Katanya dialog ketiga mungkin diadakan di Langkawi pada Julai tahun depan. Dialog Antarabangsa Langkawi ialah dialog yang bermakna. Kita mungkin datang semula ke sini untuk mengenalpasti kaedah-kaedah baru untuk Perkongsian Bijak dan pendekatan-pendekatan untuk bergerak ke hadapan.

Dr Mahathir juga berkata sektor swasta mungkin boleh melaksanakan beberapa perkara yang diutarakan pada dialog ini. "Saya yakin saudara-saudara tentunya akan mendapat ganjaran secukupnya daripada penyertaan ini."

Pada dialog akan datang, para peserta boleh membahaskan mengenai pengurusan teknologi, sambil menambah kata bahawa dialog seumpama itu boleh diadakan di rantau lain secara bersilih ganti yang memerlukan fokus dalam bidang-bidang khusus.

Sementara itu, Sir Ralph Robbins, pengerusi Rolls Royce dan pengerusi bersama Kumpulan Pemandu Antarabangsa dialog itu, dalam ucapan penutupnya berkata Dialog Antarabangsa Langkawi telah membuktikan bahawa hubungan rangkaian antara peniaga dan masyarakat adalah penting.

"Mungkin pada dialog akan datang, kita boleh membincangkan kes-kes tertentu yang dilahirkan daripada Perkongsian Bijak ini," katanya.

-- BERNAMA

JSM AHH